

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(X)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

8. Apakah status, masalah dan tindakan penyelesaian bagi pembinaan jalan dari Penang Science Park ke Jalan Kebun Baru, Juru.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Status kemajuan sebenar di tapak bagi pembinaan jalan dari Penang Science Park ke Jalan Kebun Baru, Juru adalah 86% berbanding dengan 100% yang dijadualkan.

Masalah kelewatan kerja-kerja di tapak adalah disebabkan oleh:

- (i) Kerja-kerja pengalihan utiliti yang melibatkan pengalihan struktur dan kabel-kabel sedia ada Tenaga Nasional Berhad (TNB), paip sedia ada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA) dan lurang (*manhole*) serta kabel talian atas Telekom Malaysia (TM); dan
- (ii) Kerja tambahan dari pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi pembinaan bulatan (*roundabout*) dan menaik taraf jalan sejauh 100m dari *dual-two carriageway* ke *dual-three carriageway* di Jalan Estate.

Tindakan penyelesaian bagi perkara ini telah dibuat oleh pihak TNB, PBA, TM dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang sedang giat melaksanakan kerja pengalihan dan

pembinaan di kawasan yang terjejas dan keseluruhannya  
dijangka siap pada November 2018.